

Headline	Tunai haji selepas dua kali tangguh		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	25 Sep 2013	Circulation	192,982
Section	Nasional	Readership	1,521,000
Page No	20	ArticleSize	261 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 8,836
Journalist	Jamaludin Husin	PR Value	RM 26,509
Frequency	Daily		



# Tunai haji selepas dua kali tangguh

» *Pesara guru bersyukur tidak perlu tunggu lama ke Tanah Suci*

Oleh **Jamaludin Husin**

► Muar

**S**elepas dua tahun tertunda, akhirnya hasrat pesara guru, Menhad Mahmood untuk menuaikan haji bersama isterinya, Zahani Othman, tercapai.

Menhad, 59, berkata sebelum ini beliau ditawarkan Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) menuaikan haji pada 2011 lalu, tetapi terpaksa menolaknya disebabkan masalah peribadi dan kesihatan.

Katanya, sejak penolakan itu beliau sentiasa bimbang kemungkinan terpaksa menunggu lama untuk dapat menuaikan rukun Islam kelima itu.

“Saya difahamkan, pihak Tabung Haji akan mengambil masa yang lama untuk me-

nyenaraikan semula nama bakal haji yang menolak tawaran selepas nama mereka tersenarai untuk menuaikan haji.

“Bagaimanapun, kami bersyukur apabila menerima surat Tabung Haji awal bulan ini menyatakan saya dan isteri tersenarai sebagai bakal haji tahun ini,” katanya berbasar dari Parit Raya, Jalan Temenggong Ahmad, dekat sini.

## Tekad tunai haji

Menhad berkata, walaupun pernah melakukan pembedahan jantung di Institut Jantung Negara

(IJN), doktor mengesahkan kesihatannya sudah pulih menyebabkannya bertekad un-

tuk menuaikan haji.

Sementara itu, Zahani, 49, yang juga seorang peniaga kedai runcit di kampungnya berkata, beliau akan menjaga suaminya ketika berada di Tanah Suci dan berharap mereka dapat me-

nunaikan rukun haji dengan sempurna dan mendapat haji mabrur.

“Kami dijadual berlepas ke Makkah menerusi Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, pada 3 Oktober ini dan saya berdoa semoga semua urusan menuaikan haji ini berjalan lancar,” katanya.

Headline	Tunai haji selepas dua kali tangguh		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	25 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	20	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	261 cm <sup>2</sup>
Journalist	Jamaludin Husin	AdValue	RM 8,836
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,509



Menhad (kiri) bersama Zahani **memeluk cucunya, Nor Afizah** Osman di kediaman mereka di Parit Raja, Jalan Temenggong Ahmad, Muar. [FOTO JAMALUDIN HUSIN/BH]